

NO. SOALAN: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 11 JUN 2015

RUJUKAN : 7949

SOALAN:

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah syarat pemberian kad pengenalan kepada warga asing dan adakah ianya mengikut SOP yang ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini mengambil maklum bahawa pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merujuk kepada permohonan kewarganegaraan Malaysia oleh warga asing sama ada pemerolehan melalui pendaftaran atau naturalisasi di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan tersebut secara jelas menyebut akan perlunya penelitian yang terperinci terhadap setiap permohonan sebelum seseorang warga asing dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia. Hal ini termasuklah untuk memastikan warga asing yang berkeelayakan sahaja yang dibenarkan untuk memohon serta perlu membuktikan niat kemastautinan secara tetap di Persekutuan dalam tempoh yang dikehendaki, mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Melayu serta berkelakuan baik.

Oleh itu, berdasarkan undang-undang dan prosedur semasa, mana-mana warga asing yang telah diluluskan permohonan kewarganegaraannya perlulah mengangkat sumpah taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sepertimana yang dikehendaki di bawah Perkara 18(1) Perlembagaan Persekutuan sebelum dikeluarkan dengan Sijil Kewarganegaraan Malaysia. Bagi maksud permohonan Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad),

mereka perlulah hadir sendiri ke mana-mana pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di seluruh Malaysia dengan membawa Sijil Kewarganegaraan tersebut. Sebagai tujuan verifikasi dan keperluan aspek keselamatan, maka Jabatan Pendaftaran Negara akan mengimbas dan menyimpan rekod cap ibu jari serta imej muka pemohon.

Secara umumnya, pengeluaran MyKad kepada warga asing tidak akan dibuat dengan sewenang-wenangnya kerana seseorang perlu diberikan kelulusan kewarganegaraan Malaysia terlebih dahulu yang telah melalui suatu proses pertimbangan yang terperinci.